

# Kerajaan negeri perlu proaktif pulihara alam

BH. 16/3/2015 ms. 11

**Kerajaan** negeri perlu lebih proaktif memastikan alam sekitar terpulihara apabila meluluskan projek pembangunan di negeri masing-masing.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata ini kerana kerajaan bimbang berlakunya kemusnahan alam sekitar akibat projek berkenaan.

Beliau memberi contoh projek akuakultur yang dirancang di kawasan seluas 200 hektar di hutan paya bakau Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang, yang bakal memusnahkan hutan paya bakau di kawasan berkenaan.

“Saya sudah katakan (Jabatan Alam Sekitar) tidak akan luluskan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk projek itu, maka kawasan itu tidak boleh diteroka.

“Kerajaan negeri perlu memainkan peranan melindungi kawasan hutan itu atas arahan Kerajaan Persekutuan kerana penguatkuasaan di bawah kerajaan negeri,” katanya.



*Wan Junaidi Tuanku Jaafar*

## Tanam semula pokok spesies terancam

Beliau menjawab soalan Annuar Abd Manap (BN-Sekijang) yang ingin tahu langkah diambil Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam memelihara hutan asli daripada mengalami kepupusan.

Mengulas perkara sama, Wan Junaidi berkata, kementeriannya bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat untuk menanam semula pokok yang dikategori sebagai spesies terancam.